



Pakej

MAKAN TENGAH HARI

MAKAN TENGAH HARI



PAKEJ A

- NASI PUTIH
- MASAK LEMAK LADA API IKAN SEMBILANG
- AYAM GORENG BEREMPAH
- TELUR DADAR
- ULAMAN DAN SAMBAL BELACAN IKAN MASIN
- BUAH PISANG
- SYRUP SELASIH

RM 25.00 / PAX



PAKEJ A1

- NASI PUTIH
- MASAK LEMAK LADA API DAGING SALAI
- AYAM GORENG BEREMPAH
- SAYUR KACANG
- ULAMAN DAN SAMBAL BELACAN IKAN MASIN
- BUAH PISANG
- SYRUP SELASIH

RM 35.00 / PAX



PAKEJ B

- NASI PUTIH
- MASAK LEMAK LADA API AYAM
- SAMBAL IKAN SEMBILANG
- SAYUR KACANG
- SAMBAL UJACU
- IKAN MASIN
- BUAH PISANG
- SYRUP SELASIH

RM 40.00 / PAX



PAKEJ C

- NASI PUTIH
- MASAK LEMAK LADA API DAGING SALAI + PUCUK UBI
- SAMBAL IKAN SEMBILANG
- SAMBAL UDANG
- IKAN MASIN
- BUAH PISANG
- SYRUP SELASIH

RM 45.00 / PAX



PAKEJ D

- NASI PUTIH
- MASAK LEMAK LADA API DAGING SALAI + PUCUK UBI
- SAMBAL IKAN SEMBILANG
- SAMBAL UDANG
- BUAH PISANG
- SYRUP SELASIH

RM 60.00 / PAX



Habungi



Muzium Negeri
Jalan Sungai Ujong, Bandar
Seremban, 70300 Seremban,
Negeri Sembilan



Pn. Nursuaidah Binti Rahaman
011-2720-2597
No Tel Pejabat
06-7631149



muziumn99@gmail.com



@muzium_ns

Menu Istimewa

- KARI KEPALA KAMBING & DAGING

RM 150.00 / PAX

- AIR JANDO PULANG

RM 25.00 / JUG



Tempahan


Minima : 20 Orag
11.00 Pagi Hingga 3.00 Petang



MUZIUM NEGERI

— MINUM PAGI & MINUM PETANG —

Makan Beradatt





Makan Beradat

PENGENALAN - Makan Beradat dalam Sistem Adat Perpatih di Negeri Sembilan menyerlahkan ciri-ciri muafakat, kesantunan dan nilai budi yang diwarisi sejak zaman-berzaman. Ia juga merupakan upacara jamun di dalam majlis adat istiadat seperti majlis perlantikan penyandang-penyandang Adat dalam Adat Perpatih.

Makan Beradat ini berkonsep secara Berselo dalam Adat Perpatih. Ia juga mempamerkan nilai-nilai budaya yang menghormati tetamu yang sudi dan sempat hadir dalam satu-satu mailis. Dalam upacara jamun ini, tetamu lelaki duduk bersila sementara yang perempuan bersimpuh.

Kebiasaan bagi masyarakat biasa makan in dilaksanakan di dalam rumah adat yang mana makanan akan dihidangkan di dalam dulang (jambar) Setiap hidangan mengandungi 4 jenis lauk, semangkuk air bash tangan. Lauk pauk yang dihidang merupakan makanan tradisional Negeri Sembilan

Makan Beradat ini bersifat rakyat, sekarang diamalkan di dalam majlis-majlis kenduri kendera masyarakat melayu Neger Sembilan semasa meraikan tetamu yang berkunjung.

KEISTIMEWAAN - Makan beradat menghormati tetamu yang menyandang pesaka adat seperti Dato' Undang, Penghulu Luak, Dato' Lembaga Buapak dan Besar. Di samping itu, majlis ini mewujudkan suasana selesa, harmoni dan mesra.

PELAKSANAAN - Makan Beradat berlangsung diserambi rumah dan menggunakan alat-alat kebesaran adat iaitu tabir lingkungan, tabir langit-langit, kain silang gunting, tilam pandak, tikar rompok, tepak sirih, dan peminangan yang bertutup.

Kawasan di sekeliling serambi dipasang tabir lingkungan sementara di bahagian atas dipasang tabir langit-langit. Kain silang gunting dipasang di setiap tiang serambi rumah.

Ruang serambi ini hanya untuk lelaki sahaja, manakala wanita di ruangan rumah ibu.

Tilam pandak pula dibentang secara melintang dihujung serambi menghadap ke pangkal serambi.

Di atas tilam inilah tempat duduk Undang, Penghulu Luak dan Lembaga. Buapak duduk di atas tikar rompok yang ditempatkan di pangkal serambi.

Dalam Makan Beradat makanan dihidangkan di atas dulang (jamba). Dulang yang bertutup kemas dengan tudung hidang bertekad ini khas untuk Undang, Penghulu Luak, Lembaga dan Buapak.

Sementara itu pinggan alas makan pembesar-pembesar in diletakkan di atas peminangan berkaki (semerit)..

Hidangan ini disaji dengan tertib dan sopan oleh anak-anak buah dan orang semenda yang berpakaian sopan. Untuk meletakkan hidangan, mereka menjejakkan lutut kanan ke lantai dahulu. Dulang ini tidak bole dibuka sehinggalah kerja-kerja menghidang. Setelah semuanya selesai, Makan Beradat pun bermula.

Dulang hidangan ini tidak bole ditutup setelah semua tetamu selesai makan.

Selepas majlis jamun, Ibu Soko tampil merafak sembah Dato' Lembaga dan memberi buah tangan kepada tetamu lazimnya bunga telur.

